

Malawati

"Usaha Untuk Rakyat"



Majlis Perbandaran Kuala Selangor

www.mpks.gov.my

Januari - April 2022

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

25 Mac 2022 (Jumaat) | 8.00 | Eco Grandeur Hall, Ecoworld



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2021

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 25 MAC 2022

Audit Pensijilan Semula
MS ISO 9001:2015 MPKS
oleh SIRIM QAS
International Sdn. Bhd.

3

Konvoi Amal MPKS
Bantuan Pasca Banjir
Alor Gajah
#kamiprihatin

5

Malam Anugerah Penarafan
Bintang JMB/MC Tahun 2021
(MALA)

13



Naskah Percuma

JANUARI

- Bantuan Pasca Banjir Fasa 3 di Kg. Asahan.
- Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 Majlis Perbandaran Kuala Selangor oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
- Perlawanan Persahabatan Bola Sepak MPKS VS ASFC.
- Bengkel Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan 2021 dan Sasaran Kerja Tahunan 2022.
- Konvoi Amal Majlis Perbandaran Kuala Selangor Bantuan Pasca Banjir Alor Gajah, Melaka.
- Amanat Tahun Baru 2022 oleh Dato Menteri Besar Selangor secara Hybrid.
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis Bil. 1/2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Pengauditan Terhadap Program Pembasmian Kemiskinan Bandar - Pemeriksaan Audit di Negeri Selangor.
- Operasi Lembu oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran di Bestari Jaya dan Jeram.
- Misi Bantuan Bakul Makanan dan Pakaian kepada Mangsa Banjir Kg. Sentosa, Ijok Fasa 1.
- Kunjungan Hormat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (KPDNHEP) Negeri Selangor.

FEBRUARI

- Lawatan Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi MPKS Ke Perlis.
- Misi Bantuan Pakaian kepada Mangsa Banjir Kg. Sentosa, Ijok Fasa 2.
- Penyiasatan Pejabat Pengurusan Avenham Garden oleh KPKT dan Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB).
- Perhimpunan Pagi Bil. 1/2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Audit Dalam Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bilangan 1/2022.

Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

Penaung

Puan Rahilah binti Rahmat SMS, AMS,
ydp@mpks.gov.my

Penasihat

TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar AIS, PPC,
myusli@mpks.gov.my

Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mpks.gov.my

MAC

- Tazkirah Jumaat Majlis Perbandaran Kuala Selangor secara dalam talian.
- Lawatan Sekretariat bagi Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* untuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Lawatan Kerja Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Review Pelan Strategik Mengikut Jabatan dan Unit.
- Program Pembersihan Pantai Remis oleh Pelajar Kolej Geospasial Sains dan Teknologi.
- Bengkel Usahawan 2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Operasi Bersepadu Kilang Haram di Jalan Holmwood, Bestari Jaya.
- Malam Anugerah Penarafan Bintang JMB/MC Tahun 2021 (MALA).
- Operasi Bersepadu Pasar Basah di Sungai Buloh dan Tanjung Karang.
- Program Undian Tapak Bazar Ramadan dan Bazar Raya Tahun 2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor secara dalam talian.
- Training of Trainers (ToT) Pementoran 2022.
- Operasi Sitaan Premis Sewaan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Malam Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021.
- Program Pembersihan Pantai Remis oleh Litter Club.
- Program Jalinan Komuniti Kg Kuantan Transformasi Pengurusan Sisa Sungai untuk Kelestarian Alam Sekitar
- Lawatan Jawatankuasa Penilaian Pematuhan *Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)* Untuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

APRIL

- Mesyuarat Agung Kali ke-31 Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Bakul Ramadan 2022.
- Perhimpunan Pagi Perbandaran Kuala Selangor Bilangan 2/2022 Anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat.
- Perjumpaan Kakitangan Baharu bersama YDP.
- Pemantauan dan Penyerahan Kad Peniaga Bazar di Bazar-Bazar Daerah Kuala Selangor.
- Majlis Rapat Rahmah Ramadan oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor bersama Kakitangan MPKS secara dalam talian.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Bilangan 7/2022.
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis Bilangan 2/ 2022.
- Operasi Kilang Haram di Ijok.
- Majlis Berbuka Puasa Kumpulan Pengurusan dan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Kasih Ramadan bersama Pendayung Santuari Kelip-Kelip Kg. Kuantan 2022.
- Majlis Berbuka Puasa Unit-Unit Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2022.

Diterbitkan oleh

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Diterbitkan untuk



Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor
Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101
Web : www.mpks.gov.my

BANTUAN PASCA BANJIR FASA 3 DI KG. ASAHAN

1 Januari 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor bersama sukarelawan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah menjalankan aktiviti pembersihan pasca banjir di Maahad Tarbiah Islamiah Al-Ansar, Kampung Asahan.

Dalam masa yang sama, MPKS turut mengedarkan bakul makanan dan barangan keperluan hasil sumbangan orang ramai, NGO dan syarikat swasta kepada pihak Maahad dan penduduk kampung sekitar.



AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. 5-7 Januari 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengekalkan pencapaian Sifar Ketidakpatuhan (0 NCR) menerusi Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

MPKS berharap dengan pensijilan semula ini akan menjadi "Morale Boost" kepada setiap Jabatan MPKS untuk menyediakan persekitaran perbandaran yang kondusif bagi pembangunan ekonomi hijau, pemeliharaan alam sekitar, warisan sejarah dan kehidupan berkualiti.



“Usaha untuk rakyat”

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK MPKS VS ASFC

14 Januari 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak bersama Alam Suria FC di Stadium Terbuka Kompleks Sukan Kuala Selangor. Perlawanan ini diadakan bertujuan untuk merapatkan silaturrahim antara Pihak Berkuasa Tempatan dan Komuniti Penduduk Alam Suria, Puncak Alam. Perlawanan berakhir dengan keputusan MPKS 5, Alam Suria FC 2.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

BENGGKEL PENCAPAIAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2021 DAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2022

14 - 15 Januari 2022



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

KONVOI AMAL MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BANTUAN PASCA BANJIR ALOR GAJAH, MELAKA #KAMIPRIHATIN 22-24 Januari 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Konvoi Amal MPKS Prihatin ke Madrasah Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Ainussyukriyyah, Alor Gajah.

Konvoi ini bertujuan untuk misi bantuan baik pulih (mengecat) bangunan sekolah tahfiz yang terjejas akibat bencana banjir tempoh hari dan menyampaikan sumbangan barangan keperluan kepada penduduk sekitar.

Konvoi ini terdiri daripada 30 peserta dan diketuai oleh Yang Berusaha TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan disambut oleh Yang Berhormat, Tuan Zahari Abd Kalil, ADUN Durian Tunggal dan Encik Azizan bin Sulong, Pengarah Korporat MPAG serta Mudir Tahfiz, Ustaz Sopian.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

AMANAT TAHUN BARU 2022 OLEH DATO MENTERI BESAR SELANGOR SECARA HYBRID 24 Januari 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

MESYUARAT JAWATANKUASA TEMU DUGA SEWAAN PREMIS BIL. 1/2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 25 Januari 2022

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKS telah mengadakan Sesi Temuduga Sewaan Premis di Bilik Mesyuarat Malawati, MPKS.

Sesi temuduga ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan turut hadir bersama Ahli Majlis Kawasan.

Seramai 24 orang telah dipanggil untuk sesi temuduga kali ini melibatkan 7 unit premis. Pihak Majlis ingin merakamkan ucapan tahniah kepada yang berjaya dan terima kasih kepada pemohon yang hadir pada sesi kali ini.



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

PENGAUDITAN TERHADAP PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR - PEMERIKSAAN AUDIT DI NEGERI SELANGOR 26 Januari 2022



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

OPERASI LEMBU OLEH JABATAN KESIHATAN DAN PERSEKITARAN DI BESTARI JAYA DAN JERAM 27 Januari 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang berada di kawasan laluan awam dan perumahan pada 27 Januari 2022. Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Sebanyak dua ekor lembu di kawasan Jeram dan dua ekor kambing di kawasan Bestari Jaya telah berjaya ditangkap dan disita.

Selain itu, 4 kompaun turut dikeluarkan kepada 4 pemilik ternakan di bawah Seksyen 4(4) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana melepaskan lembu/kambing dikawasan yang tidak dibenarkan.



MISI BANTUAN BAKUL MAKANAN DAN PAKAIAN KEPADA MANGSA BANJIR KG. SENTOSA, IJOK 28 Januari 2022

Hasil daripada sumbangan orang ramai, MPKS telah mengedarkan sumbangan orang ramai tersebut kepada mangsa banjir yang memerlukan di Kampung Sentosa, Ijok. MPKS berharap sumbangan ini dapat membantu meringankan beban mangsa yang terlibat musibah. MPKS turut merakamkan ucapan terima kasih kepada para penyumbang.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

KUNJUNGAN HORMAT OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA MALAYSIA (KPDNHEP) NEGERI SELANGOR 31 Januari 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PENYIASATAN PEJABAT PENGURUSAN AVENHAM GARDEN OLEH KPKT DAN UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) 7 Februari 2022

Hasil maklumat penduduk, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjalankan penyiasatan berhubung pengurusan kewangan di Avenham Garden, Puncak Alam. Kes ini disiasat di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2015.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)

PERHIMPUNAN PAGI BIL. 1/2022

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 10 Februari 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 1/2022 yang telah dihoskan oleh Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Unit Teknologi Maklumat, Unit Pelancongan dan Unit Audit Dalam.

Perhimpunan ini dijalankan secara hibrid di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MPKS dan dihadiri oleh Setiausaha MPKS, TPr. Mohamad Haji Yusli bin Askandar dan ketua-ketua jabatan/unit serta seluruh kakitangan MPKS yang mengikuti secara dalam talian.

Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS, telah menyampaikan amanat beliau kepada kakitangan agar sentiasa responsif dan cekap menangani sebarang permasalahan warga Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Unit Teknologi Maklumat, Unit Pelancongan dan Unit Audit Dalam

AUDIT DALAMAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) BIL. 1/2022

18 Februari 2022

Jawatankuasa Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah melaksanakan audit dalaman di Ibu pejabat MPKS. Barisan Juruaudit telah melakukan pemeriksaan dokumen berkaitan dan pemantauan secara fizikal pematuhan berkaitan EKSA yang dijalankan oleh MPKS.


Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua warga MPKS yang telah memberi kerjasama sepanjang sesi pengauditan dilaksanakan.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

TAZKIRAH JUMAAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR SECARA DALAM TALIAN 4 Mac 2022



LAWATAN SEKRETARIAT BAGI PEMATUHAN STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA) UNTUK SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 8 Mac 2022

Lawatan pemeriksaan siri kedua daripada pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bagi pematuhan kriteria fungsian dan teknikal untuk Pensijilan SAGA. Objektif pensijilan ini adalah bagi memastikan penyata kewangan dapat disediakan dengan lebih cepat, tepat, kemas kini, berintegriti, mematuhi piawaian perakaunan yang diterima pakai serta memantapkan pengurusan perakaunan dan kewangan MPKS.

Delegasi lawatan diketuai oleh Puan Asyaara binti Karim (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Khidmat Perundingan (BKP), Unit SAGA (USAGA) dan disambut oleh Setiausaha MPKS, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar.



LAWATAN KERJA TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN) KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

9 Mac 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan kerja daripada Yang Berusaha Tuan Mohamad Zahri bin Samingon, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan pegawai-pegawai kanan daripada Bahagian Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat, Unit Integriti dan Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor. Delegasi lawatan telah disambut oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.

Lawatan kerja ini diharap dapat memperkukuh lagi kerjasama erat di antara MPKS dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan setiap pembangunan di daerah ini seiring dengan pelan strategik MPKS ke arah menuju persekitaran perbandaran yang kondusif bagi pembangunan ekonomi hijau, pemeliharaan alam sekitar, warisan sejarah dan kehidupan berkualiti.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

REVIEW PELAN STRATEGIK MENGIKUT JABATAN DAN UNIT

9 - 11 Mac 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI REMIS

OLEH PELAJAR KOLEJ GEOSPATIAL SAINS DAN TEKNOLOGI

11 Mac 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

BENGKEL USAHAWAN 2022

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 11 Mac 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Kursus Usahawan Online 2022 di Vi Boutique Hotel, Pasir Penambang. Kursus ini merupakan sebuah program strategi pemasaran yang berimpak besar dan berorientasikan hasil. Program ini turut memfokuskan kepada peserta yang tidak pernah memasarkan produk mereka secara online dan juga kepada mereka yang ingin mencari strategi peluang perniagaan secara dalam talian. Peserta turut diterangkan dengan kekuatan yang dimiliki oleh pelbagai platform media sosial dan teknologi web yang telah disampaikan oleh ASL Training & Consultancy Sdn. Bhd.

Program ini telah disertai seramai 40 orang peserta dan penyertaan adalah percuma. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPKS, Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

OPERASI BERSEPADU KILANG HARAM DI JALAN HOLMWOOD, BESTARI JAYA

16 Mac 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan operasi bersepadu kilang haram di Jalan Holmwood, Bestari Jaya. Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai gangguan bau pada waktu malam yang di syaki bau proses kitar semula e-waste.

Kilang tersebut telah diarahkan untuk menghentikan operasi serta merta dan sitaan turut dikenakan melibatkan 2 unit Generator dan 3 unit Forklift. Pihak Jabatan Alam Sekitar turut mengambil 4 sampel bahan yang terdapat di kilang tersebut untuk ujian makmal.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

MALAM ANUGERAH PENARAFAN BINTANG JMB/MC TAHUN 2021 (MALA)

19 Mac 2022

Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Malam Pengiktirafan Bintang Pembangunan Berstrata MPKS 2021 di Grandeur Hall, Ecoworld Puncak Alam.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada Badan Pengurusan Bersama/ Perbadanan Pengurusan (JMB/MC) dan Ejen Pengurusan di bawah seliaan MPKS.

Penarafan bintang di semua skim strata merangkumi aspek pengurusan, kewangan dan perundangan. Sehingga 2022, terdapat 66 skim strata di daerah Kuala Selangor melibatkan 17,444 petak dan jumlah ini akan bertambah daripada semasa ke semasa.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan

OPERASI BERSEPADU PASAR BASAH DI SUNGAI BULOH DAN TG. KARANG

21 - 23 Mac 2022

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah mengadakan Operasi Bersepadu Pasar Bazah di Pasar Basah di Sungai Buloh dan Tanjung Karang. Operasi ini dijalankan bertujuan untuk memastikan amalan pematuhan kebersihan dipatuhi oleh para penyewa petak pasar. Operasi kali ini melibatkan Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor yang melakukan pemantauan kaedah sembelihan ayam.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM UNDIAN TAPAK BAZAR RAMADAN DAN BAZAR RAYA TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR SECARA DALAM TALIAN 22 Mac 2022

Jabatan Pelesenan MPKS telah menjalankan Undian Tapak Bazar Ramadan dan Bazar Raya Tahun 2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor secara dalam talian di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MPKS. Sesi undian ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat.



Sumber : Jabatan Pelesenan

TRAINING OF TRAINERS (TOT) PEMENTORAN 2022 23-25 Mac 2022



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

OPERASI SITAAN PREMIS SEWAAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 24 Mac 2022



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

MALAM ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2021 25 Mac 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 di Grandeur Hall, EcoWorld Puncak Alam. Majlis ini diadakan bertujuan untuk menghargai jasa dan kerja keras kakitangan MPKS yang berkhidmat dengan cemerlang sepanjang tahun 2021.

Seramai 36 orang daripada pelbagai Jabatan dan Unit MPKS menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 dan 7 orang kakitangan menerima penghargaan Perkhidmatan Setia 25 tahun. Dalam masa yang sama, penghargaan turut diberikan kepada 5 orang kakitangan yang telah bersara serta penghargaan kepada rakan strategik MPKS yang telah banyak menyumbang sewaktu kejadian banjir baru-baru ini.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan hadir sama Yang Dipertua MPKS, Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat.

"Work hard in silence, let your success be your noise"



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM PEMBERSIHAN PANTAI REMIS OLEH LITTER CLUB

25 Mac 2022

Terima kasih diucapkan kepada 50 sukarelawan daripada The Litter Club yang bertungkus-lumus dalam menjalankan aktiviti CSR Pembersihan Pantai. Ayuh kita membudayakan penjagaan kebersihan alam sekitar.



Sumber : Unit Korporat dan Perhungan Awam

PROGRAM JALINAN KOMUNITI KG KUANTAN TRANSFORMASI PENGURUSAN SISA SUNGAI UNTUK KELESTARIAN ALAM SEKITAR

27 Mac 2022



Sumber : Unit Pelancongan

LAWATAN JAWATANKUASA PENILAIAN PEMATUHAN STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES (SAGA) UNTUK SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

29 Mac 2022

Lawatan Jawatankuasa Penilaian Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) untuk Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) adalah bertujuan untuk membuat semakan dan penilaian terhadap kriteria pematuhan SAGA.

Setelah selesai sesi audit, panel panilai telah berpuas hati dan seterusnya mengiktiraf untuk diperakukan kepada pensijilan SAGA ke atas sistem perakaunan dan kewangan MPKS. MPKS merupakan Pihak Berkuasa Tempatan keempat di dalam negeri Selangor yang telah mendapat pengiktirafan SAGA. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perbendaharaan dan Unit Teknologi Maklumat serta urusetia yang terlibat.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan dan Unit Teknologi Maklumat

MESYUARAT AGUNG KALI KE-31

KELAB SUKAN, KEBAJIKAN DAN REKREASI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

1 April 2022

Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Mesyuarat Agung Kali ke 31 di Dewan Sri Siantan, MPKS. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS. Beliau turut merakam ucapan terima kasih kepada barisan kepimpinan KSKR 2020-2022 dan mengucapkan selamat bertugas kepada barisan kepimpinan baharu 2022-2023.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

BAKUL RAMADAN 2022 ANJURAN PERTUBUHAN MINDA PROGRESIF

2 April 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

PERHIMPUNAN PAGI BIL.2/2022

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

4 April 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi Bil. 2/2022 yang telah dihoskan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Perhimpunan ini dijalankan secara hibrid di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MPKS dan dihadiri oleh Setiausaha MPKS, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar dan ketua-ketua jabatan/unit serta seluruh kakitangan MPKS yang mengikuti secara dalam talian.

Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS, telah menyampaikan ucap terna dan memberi amanat kepada setiap kakitangan agar sentiasa menjaga integriti dan meningkatkan mutu perkhidmatan dalam menjalankan tugas.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PERJUMPAAN KAKITANGAN BAHARU BERSAMA YDP

4 April 2022



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PEMANTAUAN DAN PENYERAHAN KAD PENIAGA DI BAZAR-BAZAR DAERAH KUALA SELANGOR 6-12 April 2022

Jabatan Kesihatan Persekitaran MPKS telah menjalankan pemantauan kebersihan di bazar-bazar sekitar daerah Kuala Selangor.

Pemeriksaan yang dilakukan meliputi Suntikan Anti Thyphoid, pemeriksaan kebersihan dan keselamatan makanan telah dijalankan kepada peniaga bazar ramadan bagi memastikan peniaga mematuhi standard kebersihan makanan yang telah ditetapkan.

Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor juga turut serta dalam membantu pemeriksaan berkaitan kebersihan pengendali makanan serta tapak peniaga.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS RAPAT RAHMAH RAMADAN OLEH YAB DATO MENTERI BESAR SELANGOR 8 April 2022



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BIL. 7/2022

8 April 2022

Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Mesyuarat Jawatan Kuasa Pusat Setempat Bil. 7/2022 di Dorsett Grand Subang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan dihadiri oleh Agensi Teknikal Dalam (ATD) dan Agensi Teknikal Luaran (ATL).

Mesyuarat ini adalah bagi membuat pertimbangan dan keputusan permohonan-permohonan pelan pemajuan/pembangunan yang dikemukakan pemaju/pemilik/pengusaha di daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Pusat Setempat

MESYUARAT JAWATANKUASA TEMUDUGA SEWAAN PREMIS BIL.2/ 2022

11 April 2022

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKS telah mengadakan Sesi Temuduga Sewaan Premis di Bilik Mesyuarat Malawati, MPKS. Sesi temuduga ini telah dipengerusikan oleh Yang Berusaha TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan turut hadir bersama Ahli Majlis Kawasan.

Seramai 33 orang telah dipanggil untuk sesi temuduga kali ini melibatkan 10 unit premis. Pihak Majlis ingin merakamkan ucapan tahniah kepada yang berjaya dan terima kasih kepada pemohon yang hadir pada sesi kali ini.



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

OPERASI KILANG HARAM DI IJOK

14 April 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan operasi bersepadu kilang haram di Ijok. Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai gangguan bau pada waktu malam yang di syaki bau proses kitar semula E-Waste.

MPKS memberi amaran kepada mana-mana pengusaha kilang agar mematuhi setiap syarat yang ditetapkan oleh MPKS dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat serta memastikan sebarang pencemaran alam sekitar tidak berlaku. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Alam Sekitar.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS BERBUKA PUASA KUMPULAN PENGURUSAN DAN AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

15 April 2022



Sumber :Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS KASIH RAMADAN

BERSAMA PENDAYUNG SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN 2022

21 April 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menganjurkan Majlis Kasih Ramadan 2022 Bersama Pendayung Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan di Hotel De Palma Resort Kuala Selangor pada 21 April 2022.

Penganjuran majlis ini bertujuan sebagai penghargaan dan berkongsi rezeki bersama kumpulan pendayung yang menjadi nadi utama operasi Santuari Kelip-kelip Kampung Kuantan. Didalam majlis tersebut, seramai 34 orang pendayung telah menerima sumbangan duit raya dan cenderahati sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Unit Pelancongan

MAJLIS BERBUKA PUASA UNIT-UNIT MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

22 April 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

TAUTAN KASIH RAMADAN KOMUNITI STRATA 2022

23 April 2022

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Program Tautan Kasih Ramadan Komuniti Strata 2.0, pada 23 April 2022 di Eco Grandeur Hall, Puncak Alam. Seramai 30 orang penerima daripada keluarga asnaf didalam kalangan komuniti strata telah diraikan melalui penyampaian sumbangan bakul makanan bagi persiapan hari raya yang bakal menjelang tiba serta majlis berbuka puasa.

Program ini adalah acara tahunan yang dijalankan dan merupakan aktiviti tanggungjawab sosial MPKS untuk bersama-sama terlibat dalam memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan. MPKS turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Sime Darby, Jasmine dan Jalen yang turut sama menyumbang barangan keperluan asas dan EcoWorld yang menaja lokasi penganjuran. Majlis penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat.



KONVOI ZIARAH KASIH BEKAS KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

27 April 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor melalui Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi (KSKR) telah mengadakan Konvoi Ziarah Kasih Bekas Kakitangan MPKS sempena bulan Ramadan di sekitar daerah Kuala Selangor. Konvoi bermotorsikal melibatkan 50 buah motorsikal telah berkunjung ke 4 buah rumah pesara MPKS.

Konvoi ini telah diketuai oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS telah meluangkan masa untuk menyampaikan sumbangan berupa barangan cenderahati dan duit raya kepada bekas kakitangan. Turut serta adalah Presiden KSKR MPKS, Encik Anuwaa bin Mohamad Jalani dan majlis pelepasan konvoi telah disempurnakan oleh Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.



MAJLIS IFTAR RAMADAN MPKS 1443H

27 April 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah mengadakan Majlis Iftar Ramadan MPKS 1443H di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan baik antara pegawai dan kakitangan MPKS serta berkongsi rezeki bersama insan yang memerlukan. Dalam masa yang sama, pengisian rohani turut tidak dilupakan.

Seramai 13 orang penerima sumbangan terdiri daripada anak yatim dan orang kurang upaya telah menerima sumbangan duit raya yang telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPKS, Puan Rahilah binti Rahmat.



Sumber : 1. Unit Korporat dan Perhubungan Awam
2. Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi

PENYERAHAN BOT PENYELAMAT KEPADA PASUKAN PANTAS MPKS

27 April 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menambah aset menyelamatkan sebanyak dua unit bot fiber dan satu unit bot aluminium beserta enjin sebagai persediaan menghadapi sebarang kemungkinan bencana termasuk banjir.

Penambahan aset itu bertujuan membantu Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MPKS menyalurkan bantuan awal kes kecemasan dan bencana sebelum agensi keselamatan tiba. Selain itu, aset ini dapat membantu anggota melalui penggunaan bot yang ringan dan mudah dikendalikan sesuai dengan operasi penyelamatan di kawasan taman perumahan dan kawasan kampung.



Sumber : Jabatan Kejuruteraan